

27/07/2000

Teater di Istana Budaya belum boleh dibanggakan

DENGAN kehadiran di antara 500 hingga 900 penonton yang membeli tiket setiap malam, adakah kita ingin mengatakan drama yang dipentaskan di Istana Budaya hebat? Perangkaan yang dikeluarkan oleh Istana Budaya untuk persembahan sepanjang tahun lalu jelas menunjukkan teater yang dipilih untuk dipentaskan di Istana Budaya tidak terlalu hebat kerana gagal menarik penonton seperti yang diharapkan.

Teater yang mendapat sambutan baik pada tahun lalu ialah Rubiah yang berjaya menarik 4654 penonton dan 1678 tetamu jemputan ketika dipentaskan mulai 26 hingga 30 September. Teater itu turut disaksikan Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Dengan Ahmad Tamimi Siregar bertindak sebagai pengarah, teater itu dilakonkan oleh Fauziah Latif, Wan Maimunah, Fauziah Nawi, Razak Ahmad, Ahmad Idham dan artis Panggung Negara. Muzikal Dato' Onn pula disaksikan oleh 3,290 orang dan 203 jemputan.

Ini bererti teater itu menarik 822 penonton setiap malam. Ia dipentaskan mulai 6 hingga 9 November. Teater Keris Sang Puteri yang dipilih sempena perasmian Istana Budaya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hanya menarik 3,289 penonton dan 1011 jemputan.

Teater itu dipentaskan mulai 13 hingga 18 September. Teater Inggeris tahun lalu, Jane Eyre yang didatangkan khas dari London oleh British Council hanya menarik 2,289 penonton. Ia dipentaskan mulai 27 hingga 30 Oktober. Purata penonton teater berkenaan ialah 542 orang satu malam. Sepanjang tahun lalu, 22 acara dilangsungkan, iaitu sembilan muzik, tiga (koir), enam (tari) dan empat (drama tari) di Istana Budaya. Jumlah penontonnya 28,000 orang.

Acara lain yang mendapat sambutan seperti persembahan The Malaysian Heritage - When Rivers Meet yang disertai artis Panggung Negara, Temple of Fine Arts (Tofa) dan Kumpulan China - Kwangtung, disaksikan 1,638 tetamu jemputan manakala Realizing Rama (projek Asean - COCI) disaksikan 222 penonton dan 201 jemputan.

Balet dari Itali yang dipersembahkan pada 18 Oktober dan disaksikan 236 penonton dan 31 jemputan manakala persembahan muzik Uto Ughi dan pemain piono iringan dari Jepun Shuku Iwasaki disaksikan 137 penonton dan 25 jemputan.

Festival Tari Kebangsaan yang diadakan pada 11 hingga 13 Oktober disaksikan oleh 4,005 penonton. Masuk percuma. Tarian Blooming - yang dijayakan oleh kumpulan Cina disaksikan oleh 1790 orang. Persembahan Koir Kebangsaan dan Orkestra Simfoni Kebangsaan yang menemukan soloist Syafinaz Selamat dan Fadzil Rahman, manakala Yap Cheng May bertindak sebagai kondoktor koir menarik 412 penonton dan 70 tetamu jemputan.

Orkestra Simfoni Kebangsaan dengan Mustafa Fuzer Nawi yang bertindak sebagai kondoktor menarik 555 orang dan 23 jemputan. Ia dipentaskan pada 19 dan 20 November. Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Dr Ng Yen Yen berkata, pementasan di Istana Budaya terpaksa ditapis kerana kos yang ditanggung untuk setiap malam ialah RM30,000. Bagaimanapun untuk menyokong kegiatan kesenian, pihak kementerian dari masa ke semasa mempelawa kumpulan tertentu mengadakan pementasan.

(END)